

SOALAN NO: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PROF. DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]
TARIKH : 8 MAC 2017
SOALAN :**

YB Prof. Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula caj rawatan pergigian bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk menikmati rawatan yang lebih selesa.

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang sedia maklum, kos sebenar rawatan pergigian yang merangkumi kos bahan, kos peralatan, kos perkhidmatan sokongan serta emolumen telah semakin meningkat. Banyak prosedur pergigian biasa di klinik primer dan prosedur baharu serta kompleks di bawah bidang kepakaran yang tidak disenaraikan sebelum ini telah dibekalkan secara percuma di mana kos sebenarnya menelan belanja yang tinggi kerana kebanyakannya memerlukan peralatan atau bahan pergigian yang canggih dan diimport.

Justeru, pengemaskinian prosedur dan caj rawatan pergigian merupakan salah satu daripada beberapa bahagian dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982 yang telah dikaji semula. Ia telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 September 2016.

Caj bagi rawatan pergigian (Jadual F) dalam Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 adalah menunjukkan kos rawatan asas semasa (bersubsidi) bagi rawatan pergigian di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Semakan caj pergigian ini adalah hanya melibatkan pengurangan subsidi bagi pesakit **Kelas 1 dan Kelas 2** manakala caj rawatan pergigian sedia ada bagi pesakit **kelas 3** (pesakit dalam) adalah **dikekalkan**.

Walaupun sememangnya terdapat keperluan kenaikan caj bagi prosedur rawatan sedia ada, Kerajaan terus komited memberikan subsidi yang tinggi bagi rakyat termasuk rawatan pesakit luar. Justeru caj rawatan pergigian sedia ada bagi **pesakit luar adalah kekal** misalnya pesakit luar hanya perlu membayar sekadar RM2 untuk penskaleran dan penggilapan gigi (scaling/cuci gigi), RM2 untuk tampalan gigi dan RM1 untuk cabutan gigi.

Pengecualian bayaran bagi golongan tertentu termasuk **mereka yang kurang berkemampuan** juga adalah dikekalkan seperti sedia ada mengikut tatacara yang telah digariskan. Ini menunjukkan Kerajaan sememangnya terus komited untuk memberikan perkhidmatan dan

rawatan kesihatan berkualiti tinggi pada kadar yang berpatutan kepada semua Rakyat Malaysia.